



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
BAHASA MELAYU
1103/1
Kertas 2
2 jam 30 minit**

SET 2

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1 - Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata adjektif perasaan. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama

SEREMBAN: Robot hasil ciptaan pereka cilik dari Sekolah Kebangsaan (SK) Dato Ahmad Manaf bukan sahaja kreatif tetapi juga mempunyai elemen patriotik. Robot yang diberi nama Merdeka Rero Micro itu direka cipta sempena perarakan sambutan Hari Kemerdekaan negara baru-baru ini.

Guru Penolong Kanan Kokurikulum SK Dato Ahmad Manaf, Azrie Abu Talib, berkata rekaan berkenaan ialah cetusan idea murid sekolah itu sendiri sebelum ditambah baik guru penyelaras serta guru subjek Reka Bentuk dan Teknologi. “Kami berpendapat, setiap kanak-kanak pasti suka akan perarakan sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan secara besar-besaran dan sangat meriah di Dataran Merdeka pada setiap tahun. Dengan pelbagai kenderaan berhias yang cantik dan kenderaan berperisai yang kelihatan gagah daripada pasukan keselamatan, sememangnya akan membuatkan kanak-kanak berasa gembira. Namun, pasti mereka akan berasa kecewa jika tidak berpeluang menyaksikannya. Jadi, timbul idea untuk menghasilkan ciptaan ini. Penghasilan robot Merdeka Rero Micro telah membuktikan generasi sekarang mempunyai semangat cinta akan negara yang amat baik,” katanya ketika ditemui pihak kami.

(Dipetik dan diubah suai daripada
‘Murid Serlah Semangat Patriotik dalam Kreativiti Cipta Robot’
oleh Ahmad
Hasbi,
Berita Harian, 3 September 2022)

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

Berdasarkan petikan di bawah, bina enam ayat perintah yang lengkap dengan menggunakan kata perintah yang betul. Kata perintah yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Bonda melarang anak untuk berhijrah ke bandar kerana bimbang anaknya itu akan terpengaruh oleh budaya negatif. Namun anak tetap dengan pendiriannya untuk ke bandar dan memberitahu bondanya supaya tidak bimbang kerana dia akan menjaga dirinya di bandar. Namun bonda berharap anaknya menjaga dua perkara iaitu agama dan bangsa. Bonda meminta anaknya menyerahkan sejumlah buku untuk kawan lamanya yang bernama Munsyi. Bonda juga berpesan kepada anaknya supaya terus berjumpa dengan Munsyi setelah tiba di bandar. Sebelum anaknya turun melangkah pergi, bonda mengajak anaknya untuk minum pagi bersamanya .

Dipetik dan diubah suai daripada
Cerpen Munsyi
Oleh Husna Nazri
Dewan Bahasa dan Pustaka

[6 markah]

3. Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Sektor pertanian seringkali diterajui oleh golongan berumur dan berkemahiran rendah. Setengah golongan belia menganggap sektor ini sebagai kerjaya kurang glamor kerana sejak kecil lagi mereka dituntut untuk berkerja dalam bidang profesional. Aktiviti pertanian moden tidak semestinya memerlukan kawasan tanah yang luas mahupun tenaga buruh yang ramai. Sebagai contoh, teknik pertanian susun tindih serta teknologi hidroelektrik hanya memerlukan kawasan tanah yang minima berbanding dengan teknik pertanian konvensional.

Dipetik dan diubah suai daripada Mencari Petani Moden,
oleh Mohd Rozaimy Ridzuan, Harian Metro, 17 Mei 2022.

[6 markah]

Bahan 2

Teknologi dron dapat memodenkan industri pertanian supaya memenuhi penawaran masa depan dan menyelesaikan krisis makanan. Dron membantu petani sebelum musim penanaman bermula dengan menganalisa keadaan ladang. Teknologi ini berupaya memetakan keadaan ladang dalam bentuk imej tiga dimensi (3D) dan memberi gambaran berimej mengenai kawasan bermasalah. Penggunaan dron juga diakui dapat mengesan tanaman yang dijangkiti penyakit 10 hari lebih awal sebelum dapat dilihat dengan mata kasar menggunakan kamera infra-merah.

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam Bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi tiada terlawan oleh kita.”

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
Dalam antologi *Sejarah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

5. Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **dua peribahasa** daripada petikan. Kemudian **bina satu ayat bagi setiap peribahasa** dengan menggunakan peribahasa tersebut dengan ayat anda sendiri.

Sejak di bangku sekolah lagi, Faris ada hati terhadap anak Pak Husin, iaitu Aminah. Perwatakan Aminah yang lemah lembut dan sopan santun itu telah menambat hati Faris. Namun begitu, Aminah tidak mengendahkan perasaan Faris kerana dia mahu memberikan tumpuan kepada pelajaran. Oleh itu, Faris cuba mendekati diri dengan cara menjadikan Aminah sebagai adik angkat. Setelah masing-masing mencapai cita-cita, akhirnya mereka berjodoh juga. Semasa hari persandingan mereka, ramai yang memuji dengan mengatakan pasangan itu bagai pinang dibelah dua.

[4 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kemurungan yang didiagnosis secara klinikal, bukanlah perasaan sedih yang biasa. Kemurungan merupakan penyakit perubatan yang melibatkan perasaan sedih yang berpanjangan serta menjejaskan fungsi harian seseorang individu. Penyakit kemurungan telah dikenal pasti oleh World Health Organization (WHO) sebagai penyakit keempat terbesar yang menyumbang kepada penyakit global (*global disability*) yang dialami oleh manusia di seluruh dunia pada ketika ini. Di Malaysia, kadar penyakit ini adalah sebanyak dua peratus dalam kalangan masyarakat. Penyakit kemurungan adalah berbeza daripada kesedihan biasa. Perasaan sedih dalam diri manusia adalah normal. Walau bagaimanapun, seseorang individu tidak boleh *memandang enteng* jika perasaan sedih tersebut berterusan dan mula menjejaskan rutin harian. Perasaan sedih sepanjang hari dan hampir setiap hari dalam tempoh dua minggu serta perasaan tidak bersemangat atau tidak berminat melakukan aktiviti yang disukai sememangnya merupakan tanda awal penyakit ini. Selain itu, pesakit kemurungan juga akan berhadapan dengan kesukaran untuk tidur. Pesakit ini juga selalu berasa letih dan kurang selesa. Rawatan awal dapat membantu seseorang individu untuk sembuh dengan lebih cepat serta kembali menjalani kehidupan yang berkualiti.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Gejala Kemurungan: Kesedihan Biasa atau Penyakit?',
oleh Firdaus Abdul Ghani,
astroawani.com, 22 Januari 2019)

Bahan 2

Atahanda Let's TALK K?
Minda Sihat

Kenal pasti TANDA-TANDA AWAL KEMURURUNGAN

- 1** Sentiasa kelihatan sedih dan murung
- 2** Hilang minat terhadap aktiviti yang biasa dilakukan
- 3** Gangguan tidur

(Sumber: Laman sesawang Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia)

(i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *memandang enteng*. [2 markah]

(ii) Berdasarkan semua bahan, apakah tanda-tanda awal kemurungan? [3 markah]

(iii) Kesedaran tentang penyakit kemurungan dalam kalangan masyarakat di negara kita masih lagi rendah.

Pada pendapat anda, apakah kaedah-kaedah yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan masyarakat di negara kita memiliki kesedaran tentang penyakit kemurungan?

[3 markah]

(iv) Seorang daripada rakan sekolah anda berhadapan dengan masalah kemurungan. Masalah ini telah menjejaskan aktiviti harian dan prestasi rakan anda sebagai seorang murid sekolah.

Sebagai seorang rakan yang prihatin dan bertanggungjawab, nyatakan tindakan-tindakan yang dapat anda lakukan untuk meringankan masalah yang dihadapi oleh rakan anda .

[4 markah]

7. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Gurindam Hutan Dinodai

Jika manusia terlalu rakus,
Hasil hutan pasti akan pupus.

Jika sisa dibuang merata,
Hilanglah seri dilaman kita.

Jika alam sering dicalar,
Pudarnya kasih alam sekitar.

Jika ranap alam yang hijau,
Hidupnya insan kacau dan bilau.

Jika kuntum penghias mata,
Indah mekar ungkapan kata.

Jika hijau lambangnya tenang,
Pantulan dari hati yang girang.

Jika kelam bertukar rupa,
Alam buana tersenyum gembira.

Jika kembang bunga di taman,
Hidup ceria watannya aman.

Sumber: Internet

Bahan 2

Selang beberapa minit, kedua-duanya terlena di celah banir tualang tua disebabkan keletihan mendaki dan mengutip sampah sarap. Dalam tidur yang nyenyak itu, mereka berdua mendapat mimpi yang sama. Tualang tua tempat mereka berteduh tiba-tiba berkata-kata. "Tidak ada yang lebih kubenci selain manusia yang tamak haloba dan mabuk kuasa!" jerit si tualang tua sambil menggoyang-goyang dahannya seperti tangan manusia. "Kerana wang mereka sanggup menjual harga diri dan memakan rasuah. Balak ditebang kononnya untuk mencerahkan hutan. Hendak ditanam Musang King, dicerahkan lagi untuk dibuat kuari. Itu bukan pembalakan konon. Itu hanya pencerahan hutan," tambah Si Tualang tua. Terbatuk-bauk seusai berbicara.

Amar dan Kaer terpinga-pinga saat terkejut daripada tidur. Lena mereka direngguh oleh rasa basah pada kaki dek air yang sudah naik sampai ke banir pokok. Mereka terkejut kerana paras sungai sudah naik sampai ke situ. Arus deras membuat pokok-pokok bungkas dan hanyut ke hilir. Ketika pokok mereka berteduh sedang tumbang ke dalam air, mereka terdengar bunyi suara, "Benci aku! Benci aku! Benci aku!" berulang kali sehingga mereka ikut tenggelam dan hanyut bersama-sama.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen
'Yang Paling Aku Benci', oleh Sanusi Din,
<https://www.malysiakini.com/hiburan/592816>

Bahan 3

Lagu Hijau Zainal Abidin Mohamad

Bumi yang tiada rimba
seumpama hamba
dia dicemar manusia
yang jahil ketawa.

Bumi yang tiada udara
bagai tiada nyawa
pasti hilang suatu hari
tanpa disedari.

Bumi tanpa lautan
akan kehausan
pasti lambat laun hilang
duniaku yang malang.

Dewasa ini kita saling merayakan
kejayaan yang akhirnya membinasakan
apalah gunanya kematangan fikiran
bila di jiwa kita masih lagi muda
dan mentah
kulihat hijau.

Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan **bahan 2**, apakah alasan-alasan yang diberikan oleh manusia untuk membangunkan kawasan hutan?

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan negatif sekiranya alam sekitar tidak diperlihara dengan sebaiknya.

[4 markah]

- (iii) Alam sekitar sangat penting dalam kitaran ekosistem bumi dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara dan memuliharanya.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar?

[4 markah]

- (iv) Pada suatu hari, anda sedang berjalan-jalan di tepi sebatang sungai di kampung. Tiba-tiba, anda terlihat kelibat dua orang lelaki yang sedang membuang sampah yang sangat banyak ke dalam sungai.

Sebagai seorang yang prihatin terhadap alam sekitar, apakah tindakan anda dalam situasi tersebut?

[4 markah]

8. *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Pemuda itu menerangkan sistem perkumuhan ayahnya yang tidak sihat. Organ utama dalam sistem ini terdiri daripada paru-paru, kulit, buah pinggang, dan kolon atau usus. Dia menerangkan usus ayahnya kotor.

"Kolon atau usus ialah rumah penyakit," ujar pemuda itu. "Jika dalam seminggu kita tak buang air besar sekurang-kurangnya empat atau lima kali, itu bermakna kita mendapat penyakit sembelit. Sembelit ini pak cik sungguh berbahaya kerana jika kita tak buang air besar, toksin dalam tubuh kita akan membebaskan bakteria jahat dan bakteria jahat ini akan memakan bakteria baik yang kita perlukan untuk sistem keimunan tubuh kita, supaya kita tak mudah sakit apabila kena hujan atau panas matahari berlebihan."

Datuk tentu bingung tetapi aku boleh memahami apa-apa yang dikatanya, sedikit.

Dipetik daripada
novel *Jendela Menghadap Jalan*
karya Ruhaini Matdarin
Kementerian Pelndidikan Malaysia.

Berdasarkan petikan di atas, mengapakah pemuda itu menyatakan bahawa "kolon atau usus dikatakan rumah penyakit?"

[4 markah]

(i) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f. Tirani, karya Beb Sabariah
- g. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menggambarkan kerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara.

[6 markah]

Bahagian C : Rumusan
[30 Markah]

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Pandemik yang melanda dunia akibat penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan masyarakat di seluruh dunia mengubah norma kehidupan. Antara norma baharu yang dipraktikkan ialah pembelajaran secara dalam talian atau pendidikan secara maya.. Sebenarnya pendidikan secara maya telah pun diadakan sejak aplikasi panggilan video seperti Skype diterbitkan. Namun pendidikan secara maya tidak dilaksanakan secara menyeluruh sehingga proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) diperkenalkan.

Pelbagai kaedah telah digunakan oleh para guru yang begitu komited untuk memastikan setiap murid dapat meneruskan pembelajaran walaupun dalam keadaan serba mencabar. Bagi mereka yang tidak mempunyai masalah capaian, guru digalakkan menggunakan pelbagai aplikasi instruksional dalam talian untuk membantu mereka menjadikan kelas lebih kondusif untuk pembelajaran. Kini collaborative tools atau perisian kolaboratif seperti Padlet, Quizziz, Nearpod atau Kahoot digunakan secara meluas oleh para guru di negara ini. Murid yang menghadapi masalah capaian tidak dipinggirkan, warga pendidik menyediakan modul bercetak yang dapat diambil oleh ibu bapa di sekolah, malah terdapat juga guru-guru di kawasan pedalaman yang mengambil inisiatif meredah perjalanan yang sukar menghantar modul PdP demi memastikan setiap murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Pembelajaran dalam talian antara murid dengan guru dilihat dapat meningkatkan kemahiran teknologi. Hal ini demikian kerana guru dan murid perlu menggunakan komputer, tablet atau telefon bimbit serta capaian Internet untuk menjalankan pembelajaran secara dalam talian. Selain itu, pendidikan maya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan mudah. Tambahan pula, murid mempunyai kelebihan untuk mencari sendiri maklumat lebih lanjut tentang sesuatu topik yang dipelajari menggunakan enjin carian seperti Google dan Yahoo. Pendidikan secara dalam talian telah membuka peluang kepada pendidikan jarak jauh tanpa batasan. Justifikasinya, walaupun guru atau pensyarah berada di kampungnya yang terletak di Kota Bharu, Kelantan, murid yang menetap di Johor Bahru masih dapat menyertai kelas yang diadakan secara maya.

Gerakan membudayakan pembelajaran dalam talian hanya akan berjaya sekiranya murid, guru dan pensyarah komited terhadap setiap sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Selain meningkatkan kompetensi digital, pensyarah, guru dan murid perlu lebih berani untuk meneroka, mencuba dan membiasakan diri dengan norma baharu pembelajaran dalam talian dan seterusnya memperbaiki diri dalam setiap ruang dan peluang yang ada untuk meningkatkan kemahiran pedagogi pembelajaran dalam talian.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pendidikan Maya Atas Talian, Koleksi Karangan SPM, 28 Ogos 2021

MEMPERKASAKAN PdPR

Latihan pendidikan perguruan berkaitan kaedah dan proses yang proaktif



Menyediakan model pembelajaran hibrid iaitu gabungan pembelajaran dalam talian dan bersemuka



Memasukkan kursus PdPR dalam kurikulum kursus perguruan di IPG dan IPT

HALANGAN BAGI PdPR



Ketiadaan peranti ketika pembelajaran dalam talian



Sikap pelajar ketika sesi pembelajaran dalam talian



Masalah liputan (Internet) yang belum menyeluruh khususnya kawasan luar bandar



Kesukaran untuk menghasilkan perbualan dua hala antara guru dengan murid

